Lembaga Pelancongan Sabah sasar 2.63 juta pelancong tahun ini

DE 13-10-2011 2

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah, Dato Tengku Dr. Zainal Adlin berharap dapat mencapai 2.63 juta pelancong dalam dan luar negara ke Negeri ini tahun ini.

"Jumlah ketibaan pelancong ke Sabah setakat September tahun ini meningkat 15 peratus berbanding tahun lepas dan menyumbang kira-kira RM4 bilion kepada hasil pendapatan Negeri."

Beliau berkata pelancongan dalam negara juga amat memberangsangkan, dimana Negeri ini mencatat kira-kira 60 peratus dalam kedatangan pelancong dalam negara.

"Jumlah ketibaan pelancong dari China, Hong Kong, Jepun dan Australia juga meningkat 38 peratus, dengan jumlah keseluruhan pelancong berulang ke Malaysia mencecah purata 50 peratus.

" Tahun lepas sahaja, terdapat sejumlah 111.5 juta pelancong dalam negara yang menyumbang RM34.7 bilion kepada negara. Daripada jumlah ini, 75.9 juta adalah pelawat harian sementara 39.5 juta adalah pelancong tempatan.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas melancarkan Karnival Pelancongan Tarian Cuti-Cuti 1Malaysia di kompleks sukan Universiti Malaysia Sabah di sini, Ahad.

Kira-kira 1,300 peserta daripada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan menyertai karnival itu, selain pertubuhan bukan Kerajaan, institut pengajian tinggi dan institusi awam, antara lain.

Mengenai karnival itu, beliau berkata ia merupakan produk pelancongan yang inovatif dan kreatif daripada Kementerian Pelancongan yang diadakan setiap tahun pada Disember.

"Ia bukan satu persembahan kebudayaan, sebaliknya, tujuan utamanya adalah untuk menggambarkan pelbagai kaum dan kumpulan etnik di Malaysia melalui pelbagai tarian," katanya.



ADLIN melancarkan karnival itu sambil disaksikan Nelly, Kamaruzaman dan Roslan.

Selain itu, katanya, industri pelancongan adalah antara penjana pendapatan tertinggi kepada negara dan tersenarai di antara sepuluh destinasi utama pelancongan di seluruh dunia selain China.

" Tahun lepas, industri pelancongan menyumbang kira-kira RM56.5 bilion kepada negara dengan ketibaan 24.5 juta pelancong," kata Adlin sambil menambah Malaysia berhasrat untuk mencapai ketibaan 36 juta pelancong dengan jumlah pendapatan RM168 bilion di bawah Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia.

Turut hadir adalah Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan di Sabah, Nely Nasir, Naib Canselor UMS Datuk Dr Kamaruzaman Ampon dan Pengarah Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di Sabah, Mohd Roslan Abdullah.